

**TEKS UCAPAN YDP  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
MAJLIS PELANCARAN PROJEK KOMPOSTER AEROB PERINGKAT  
SEBERANG PERAI UTARA**

**29 NOVEMBER 2014 (SABTU), JAM 10:50 PAGI**

---

**Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh**

Ahli MMK Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengurus Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

**Yang Berusaha Encik Hakmal Effendi bin Ishak**

Ketua Penolong Pegawai Daerah SPU

**Ketua-Ketua Jabatan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Wakil-wakil penduduk dari Seberang Perai Utara

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

.....

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi meluangkan masa ke Majlis Pelancaran Projek Komposter Aerob Peringkat Seberang Perai Utara pada pagi ini. Dalam majlis pada pagi ini, saya difahamkan bahawa Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Lucky juga akan dirasmikan. Kedua-dua program pada pagi ini adalah saling berkaitan iaitu menjuruskan kepada pemeliharaan alam sekitar kita melalui pengkomposan dan aktiviti kitar semula.

Untuk makluman YB-YB, tuan-tuan dan puan-puan,

Projek Komposter Aerob ini adalah selaras dengan Visi MPSP iaitu menjadikan Seberang Perai yang lebih bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan dan pelancongan menjelang 2018. Projek ini juga adalah selaras dengan misi MPSP iaitu Menyediakan pengurusan perbandaran yang lebih selamat, lebih bersih, lebih hijau & lebih sihat yang responsif kepada komuniti Seberang Perai. Disamping itu, melalui projek sebegini ia akan mewujudkan kerjasama erat antara Majlis dengan komuniti / peniaga di Seberang Perai dalam menjaga kebersihan persekitaran.

Pada setiap tahun, MPSP perlu membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi tujuan pengurusan sisa pepejal di seluruh kawasan Seberang Perai.

Pada tahun 2013, MPSP terpaksa membelanjakan RM 65.16 juta daripada keseluruhan bajet RM 211.28 juta. Manakala pada tahun 2014, MPSP memperuntukan RM 74.12 juta daripada jumlah RM 233.49 juta untuk pengurusan sisa pepejal. Jumlah yang besar ini boleh dikurangkan dengan kerjasama daripada semua pihak dalam menjalankan aktiviti seperti kitar semula, pengkomposan dan sebagainya.

Di sini saya juga ingin memaklumkan bahawa jumlah sisa yang dilupuskan di Tapak Pelupusan Ampang Jajar dan Tapak Pelupusan Pulau Burung bermula pada bulan Januari – Oktober 2014 adalah sebanyak 364,690.81 tan. Ini bermakna secara purata jumlah pembuangan sisa pepejal dicatatkan adalah sebanyak 1,200 tan sehari.

Anggaran 42% daripada jumlah tersebut adalah sisa organik yang boleh dikompos/dikitar semula iaitu bersamaan dengan 153,170.14 tan. Jika dihitung dalam ringgit kita boleh jimat sebanyak RM3,094,038.83 (*tipping fees*). Angka ini hanyalah jumlah sisa pepejal yang dilupuskan di kawasan Seberang Perai.

Oleh itu, bagi mengatasi masalah tersebut, pihak MPSP telah menyediakan pelbagai program bagi mengatasi isu peningkatan jumlah sisa pepejal di antaranya Program Kitar Semula, Pertandingan Taman Bersih, penubuhan pusat kitar semula dan terbaru ini adalah Projek Komposter Aerob. Projek Komposter Aerob adalah melibatkan kesemua 24 orang Ahli Majlis dan MPSP

telah memperuntukkan sebanyak RM20,000.00 untuk setiap Ahli Majlis bagi melaksanakan projek ini. Secara keseluruhan projek ini dijangka siap pada bulan Disember tahun ini. Bagi Daerah Seberang Perai Utara (SPU), seramai 9 orang Ahli Majlis yang terlibat dimana sebanyak 450 tong akan diedarkan kepada 55 JKKK dan 6 orang penyelaras kadun di SPU. Projek memproses sisa organik (komposter aerob) ini adalah mensasarkan kepada lokasi di pasar-pasar awam, kompleks penjaja, taman perumahan / komuniti, IPTA, sekolah berasrama dan lain-lain lokasi yang menghasilkan banyak sisa organik.

Komposter Aerob merupakan salah satu usaha pihak MPSP selain daripada Program Kitar Semula 4R (*Rethink, Reduce, Reuse, Recycle*) dalam memastikan seluruh kawasan Seberang Perai mencapai matlamat sebagai sebuah kawasan yang lestari dan sihat untuk masyarakat Seberang Perai.

Komposter Aerob ini adalah proses penguraian semula jadi untuk menghasilkan baja secara mesra alam dimana ia hanya mengambil masa selama 2 bulan untuk penghasilan baja. Untuk makluman, kos bagi satu unit tong (Komposter Aerob) adalah RM150.00. Justeru saya berharap penggunaan tong ini hanyalah untuk pengkomposan sisa organik sahaja bukannya untuk menyimpan barang-barang lain atau dijadikan tong sampah. Manakala baja yang dihasilkan boleh untuk kegunaan peribadi.

Selain pelancaran Projek Komposter Aerob, saya juga difahamkan Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Lucky akan dirasmikan pada pagi ini juga. Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Lucky ditubuhkan atas initiatif YB Tuan Phee Boon Poh dengan memberi peruntukan sebanyak RM9,350.00 bagi membeli kabin, perabot dan papan nama. Pusat Sumber ini di bawah jagaan JKKK Taman Lucky. Pasukan Kerja LA21 MPSP akan memberi latihan bagi program 4R, pengumpulan barang kitar semula, pengkomposan dan kebun kejiranan kepada para peserta di Taman Lucky ini.

Dengan menjalankan projek komposter aerob serta aktiviti-aktiviti kitar semula, ia dapat membantu :

- Mengurangkan bilangan sampah yang dihantar ke tapak pelupusan sampah.
- Menjimatkan perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi pengurusan sisa pepejal. Kos pengangkutan dan pelupusan sampah di tapak pelupusan sampah dapat dikurangkan serta memiliki nilai jual yang lebih tinggi daripada bahan asal sebelum dikompos. Contohnya daun kering ditukarkan menjadi baja. Nilai baja lebih tinggi daripada jualan daun kering.
- Memanjangkan tempoh hayat tapak pelupusan sampah.
- Menggalakan masyarakat menggunakan sumber sedia ada untuk faedah sendiri.
- Menyemai budaya kitar semula dikalangan masyarakat.

- Menggalakkan inovasi dan penghasilan produk-produk baru bersumberkan sisa industri/perdagangan

Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya amat mengalu-alukan penyertaan daripada pihak masyarakat dalam pelbagai bentuk samada menjalankan kitar semula, pengkomposan di rumah kerana dapat membantu MPSP mengurangkan jumlah sisa pepejal di seluruh kawasan Seberang Perai. Dengan ini, Seberang Perai akan menjadi lebih bersih, hijau selamat dan sihat. Selain itu, saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua YB, Ahli Majlis MPSP dan tuan-tuan dan puan-puan kerana memberikan komitmen penuh dalam pembersihan, kebersihan dan pengindahan untuk Seberang Perai.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.